



## **EDU 650: Akademik Projek**

**TARIAN SUMAZAU:  
Kajian Tentang Alat-alat Muzik Yang Dimainkan  
Dalam Persembahan Tarian Sumazau Di Daerah  
Penampang Sabah.**

**Cadangan Kajian Bagi Memenuhi Syarat Bagi  
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Muzik  
(Kepujian)**

**NAMA: SUEZYIAH JONIM  
NO ID: 2002331198  
PROGRAM: MU 220**

## **Penghargaan.**

Syukur kepada Tuhan kerana rahmat dan izin-Nya saya dapat menyiapkan tugas akademik projek ini. Semoga ilmu yang diperolehi akan diberkati.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Ghaziah Mohd. Ghazali atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan moral yang diberikan kepada saya sepanjang perjalanan projek ini.

Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Kampung Budaya Monsopiad, Penampang Sabah kerana mengizinkan saya untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan dan rakam video. Tidak lupa juga kepada semua kakitangan dan penari-penari Kampung Budaya Monsopiad, dengan bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya.

Terima kasih juga kepada Encik Danny@Hanif selaku Cultural Manager Kampung Budaya Monsopiad yang banyak memberikan maklumat, dan kerjasama dalam masa saya menyediakan projek ini. Terima kasih kepada Cik Normah dan Puan Veneis yang sudi membantu saya untuk mendapatkan maklumat tentang projek ini.

Penghargaan ini juga ditujukan khas buat mama tersayang iaitu Puan Isterin Saribi serta abang, kakak dan adik kerana selalu memberikan dorongan dan sokongan sepanjang tempoh pengajian saya terutama dalam menyiapkan tugas ini.

<b>Isi Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Penghargaan</b>	i
<b>Isi Kandungan</b>	iii
<b>Senarai Rajah</b>	vi
<b>Senarai Gambar</b>	vii
<b>Bab 1. Pengenalan</b>	1
1.1       Tujuan Kajian	3
1.2       Kepentingan Kajian	4
1.3       Skop Kajian	4
1.4       Kaedah Kajian	5
1.4.1    Kaedah sekunder	
1.4.2    Kaedah primer	
1.4.3    Rakaman video	
1.5       Organisasi kajian	6
<b>Bab 2: Pengenalan Kepada Negeri dan Masyarakat Sabah.</b>	
2.1       Pengenalan kepada negeri Sabah	8
2.1.1   Bendera negeri Sabah	
2.1.2   Lambang negeri Sabah	
2.2       Pengenalan kepada masyarakat Sabah	13
2.3       Sejarah ringkas Daerah Penampang.	15
2.4       Latarbelakang muzik tradisional Sabah	16

2.5	Persembahan tarian Sumazau	17
2.6	Peranan tarian Sumazau.	18

**Bab 3: Alat-Alat Muzik Tarian Sumazau**

3.1	Alat muzik yang terdapat dalam persembahan tarian Sumazau.	23
3.2	Pengenalan dan fungsi setiap alat muzik yang terdapat dalam persembahan sumazau.	24
3.3	Perkembangan alat muzik dalam persembahan tarian Sumazau.	31

**Bab 4: Tarian Sumazau Dalam Masyarakat KadazanDusun.**

4.1	Makna gerak tari Sumazau	33
4.2	Pakaian dan perhiasan	35
4.2.1	Pakaian penari wanita	
4.2.2	Pakaian penari lelaki	
4.3	Sikap pemuzik dan penari	38
4.4	Latihan.	39

# Bab 1

## Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara yang unik dari segi seni budayanya. Malaysia kaya dengan warisan seni melayu tradisional yang masih kekal hingga ke hari ini. Menurut kamus Dewan, *seni* didefinisikan sebagai karya (sajak, tulisan, gurindam, seloka, dan sebagainya). Manakala *kesenian* bermaksud perihal seni yang berkaitan dengan keindahan atau kehalusan.

Negara kita Malaysia mempunyai pelbagai jenis kumpulan etnik dan suku kaum, maka dengan itu juga muzik tradisional yang terdapat di negara kita Malaysia wujud dalam pelbagai bentuk atau jenis. Agak sukar bagi kita untuk mengetahui serta mengacak asal usul muzik tradisional sesuatu kumpulan atau suku kaum jika tidak mengenalinya terlebih dahulu.

Warisan sejarah budaya tanah air banyak meninggalkan kesan dan mempengaruhi cara hidup sesebuah masyarakat. Ada diantara peninggalan warisan ini menjadi seni tradisi masyarakat hingga ke hari ini. Sebagai contoh, muzik dan rakyat pribumi telah wujud sebelum kedatangan Portugis, Belanda dan British. Walaupun kesenian tradisional berkembang dalam lapisan masyarakat yang berlainan, mereka tetap mempunyai beberapa ciri yang sama.